

Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin.

Seorang yang tegas merupakan pandangan semua orang terhadap beliau. Bagi mereka yang mengenalinya secara dekat, mesti memahami sifat mesra, mengambil berat dan menghormati orang lain. Namun semua ini terlindung di sebalik riak wajah yang serius dan tegas itu.

Banyak yang dicapai oleh Perpustakaan UniMAP semenjak penubuhannya. Sebagai Perpustakaan baru, kami tidak hanya mahu dikenali sebagai Perpustakaan bongsu yang sedang merangkak untuk membina koleksi bahan bacaan semata. Sebaliknya, kami berazam ingin dikenali sebagai Perpustakaan digital dalam bidang kejuruteraan. Visi ini telah dibina oleh Puan Hajah Foyziah semenjak awal penubuhan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Beliau memulakan kerjayanya dalam persekitaran yang serba manual. Selepas 35 tahun dalam bidang kepastakawanan, sememangnya terlalu banyak pengetahuan dan pengalaman beliau dalam bidang ini. Namun Puan Hajah Foyziah yang saya kenali, tidak pernah berhenti belajar dan sentiasa ingin belajar.

Beliau tidak pernah terpinggir dalam aspek penggunaan IT. Dalam banyak sesi demo pangkalan data, beliau akan bersama-sama kami semua belajar memulakan pencarian, memperoleh hasil carian, memuat turun artikel teks penuh dan sebagainya. Ciri-ciri ini menjadikan beliau seorang Ketua Pustakawan yang praktikal kepada staf mahupun pengguna.

Ketelitiannya dalam aspek tugas amat berharga kepada kami semua terutamanya saya sendiri. Tidak sepi kertas kerja tanpa hasil suntingan beliau yang begitu berpengalaman dalam bidang kepastakawanan. Perlahan-lahan kami semua mempelajari aspek peraturan, kesan akibat, implikasi, pengurusan bajet dan proses membuat keputusan melalui teguran serta panduan yang diberikan.

Berdampingan dengan beliau secara peribadinya, menuntut rasa kasih, hormat dan kagum. Ada kalanya ketika letih dengan masalah dan kekeangan, beliau lah pembakar semangat dan pendorong. Sering kali saya berbisik kepada rakan-rakan saya, "Jika Puan Hajah boleh, kenapa saya tidak?". Keutuhan semangat menjadikan beliau tabah, kuat dan setiap ketika bermunajat memohon keberkatan dari Allah SWT. Semua ini tidak saya pelajari secara lisan, sebaliknya daripada pemerhatian dari masa ke masa.

Ada masanya pihak lain bertanyakan perihal kesihatan beliau seakan sesuatu yang mengusarkan. Anehnya kami di sekeliling beliau tidak pula merasakan begitu. Beliau tidak pernah menjadikan masalah kesihatan sebagai satu alasan untuk mengalah. Malahan, beliau sanggup berjalan jauh untuk berkongsi pengalaman, membakar semangat orang lain untuk terus berjuang.

Walaupun dianggap tegas, hati kecilnya sering terusik dengan kerenah staf di Perpustakaan. Apabila ditegur, ada yang melenting dan tidak menerima secara positif untuk memperbaiki prestasi diri. Ada juga yang membesarkan perkara kecil untuk menunjukkan kebenaran diri sendiri. "I'm just like their mother...". Itu rungutannya apabila ada di antara staf yang terguris dengan tegurannya. Lama-kelamaan saya mula memahami mengapa hati terguris jika ditegur oleh beliau kerana keinginan untuk memenuhi ekspektasi beliau sangat tinggi. Pernah satu masa, saya pun bersuara "We are all your daughters and sons...".

Selepas 35 tahun dalam bidang kepastakawanan, banyak titik peluh dan perahan minda direalisasikan dalam Perpustakaan UniMAP. Bertahun-tahun beliau berbisik untuk melihat bangunan Perpustakaan UniMAP tersergam indah di Kampus Ulu Pauh. Beliau ingin sekali melihat realiti kepada pembaharuan yang disuntik dalam elemen reka bentuk Perpustakaan di Kampus Tetap Ulu Pauh.

Tidak cukup dengan pelan dan dokumen, beliau membawa kami ke Galeria Perdana di Pulau Langkawi. Ketika berada di kawasan tangga berkonsepkan ramp, beliau memaklumkan "Konsep ini yang kita cadangkan di Perpustakaan Kampus Ulu Pauh. I harap you dapat gambaran lebih jelas mengenai cadangan ini". Saya mendongak pada kubah di bahagian atas galeri yang dihiasi dengan kerja tangan kesenian yang halus. Ketika itu, saya berdoa agar beliau akan melihat idea berkenaan menjadi kenyataan.

Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin mengakui beliau tidak pandai menggunakan kata-kata seperti sesetengah orang. Namun, bekerja dengannya membuat kita lebih memahami maksudnya. Beliau seorang yang praktikal, tidak pandai berbual kosong, tidak suka bertangguh dan menjaga disiplin diri dalam setiap tugasannya.

Kesedihan beliau untuk meninggalkan UniMAP amat ketara sejak akhir-akhir ini. Beliau tidak dapat menahan air mata kerana rasa kasih dan sayangnya kepada UniMAP. Melihatkan semua ini, saya hilang kata-kata. Melalui sms, saya suarakan bahawa kami juga bersedih dengan persaraan beliau. Perasaan itu sukar digambarkan dengan kata-kata.

Semua orang tidak terkecuali dari ditegur oleh Puan Hajah Foyziah. Ini kerana beliau sentiasa memantau hasil kerja dan aktiviti semua. Pasti ada tanda soal pada sistem kedatangan jika datang lewat, tidak hadir aktiviti dan sebagainya. Ini semua dilakukan untuk memastikan semua staf berdisiplin dan menghormati etika serta peraturan kerja. Beliau selalu berkata, "I harap staf kita menjadikan disiplin sebagai budaya kerja dan bukannya kerana takutkan I". Beliau cukup sedih apabila melihat anak didiknya berubah sikap selepas berpindah ke Jabatan lain.

Banyak yang kami perolehi dari Puan Hajah Foyziah. Banyak yang kami lalui selama tujuh

Korparat

tahun membangunkan Perpustakaan UniMAP. Banyak yang kami kongsi, kesedihan, kegembiraan, kebimbangan, kepuasan, keseronokan dan segala macam rasa sepanjang beliau berada di sini. Tiada ucapan yang lebih baik dari mengucapkan terima kasih di atas segala pengorbanan beliau untuk membimbing dan menjaga kami serta membangunkan Perpustakaan UniMAP.

Penghargaan juga kepada suami beliau yang tidak pernah jemu mendorong Puan Hajah Foyziah untuk melaksanakan tugasnya. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala jasa bakti dan sumbangan beliau, InsyaAllah.



Profil Ketua Pustakawan UniMAP (2002-2009)

Nama Penuh
Foyziah Ahmad Nasuruiddin

Jawatan
**Ketua Pustakawan
Universiti Malaysia Perlis**

Tarikh Lahir
28 Julai 1949

Tempat Kelahiran
Georgetown, Pulau Pinang

Pendidikan
**Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Perlis
Jelutung Secondary School, Pulau Pinang
Sekolah Tun Fatimah, Johor**

Pendidikan Tinggi
**Universiti Sains Malaysia
University of North London**

Penulis Kegemaran
**Anny Tan
John Grisham**

Makanan Kegemaran
**Popia basah
Mee rebus**

Tokoh yang dikagumi
Bapa

Pendorong kejayaan
Suami

Peristiwa manis
Dipilih sebagai Ketua Pustakawan

Motto
Hidup mesti berkorban

Memori Korparat

Kenangan Manis Bersama Puan Hajah Foyziah

Alhamdulillah, Allah SWT memberi kesempatan untuk saya bekerja dengan Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan Universiti Malaysia Perlis. Sepanjang 4 tahun bersama beliau, saya rasa dihargai dan diberi kebebasan untuk meneroka pelbagai aspek dalam bidang kepustakawanan. Mungkin tidak keterlaluan jika saya katakan, tempoh ini amat berharga dan memberi kepuasan kerja dan hubungan profesional yang saya cari di dalam organisasi. Saya akan tetap mengingati dan mengenang bimbingan yang beliau berikan sepanjang berada bersamanya. Apa yang lebih manis, saya sentiasa menghormatinya sebagai ketua dan menyayanginya sebagai rakan yang berkongsi suka dan duka. Selamat maju jaya dan beroleh kebahagiaan, jasmu tetap dikenang selagi hayat dikandung badan.

Mazmin Mat Akhir



Kenangan yang tak dapat saya lupakan bersama Hajah adalah ketika Sambutan Hari Keluarga Perpustakaan di Pulau Pangkor. Saya rasakan kami umpama satu keluarga di mana hajah sebagai ibunya. Sehingga ke hari ini saya menganggap hajah bukan sahaja sebagai bos tetapi umpama ibu bagi saya. Setiap teguran beliau saya jadikan sebagai pengajaran dan teladan sehingga saya berjaya melakukan yang terbaik. Dengan sokongan Hajah, saya mampu melakukannya sehinggalah saya mendapat anugerah khidmat cemerlang pada tahun lepas. Itulah kenangan yang tak dapat saya lupakan, Hajah mengiktiraf saya sebagai salah seorang pekerjanya yang cemerlang pada pandangan beliau.

Azhar Ahmad

Dapat bersama-sama Puan Hajah Foyziah semasa program Retreat 2008 di Bukit Merah Lake Town Resort, Perak pada 19-20 Disember 2008 bagi menjalankan aktiviti bersama-sama staf perpustakaan serta tunjuk ajar dari Puan Hajah Foyziah yang banyak membantu semasa pembentangan kumpulan.

Azni Yantee Abdul Raoh

Sepanjang berkhidmat di bawah seliaan Puan Hajah Foyziah, banyak yang saya pelajari. Beliau seorang yang tegas dan komited dalam hal yang berkaitan kerja. Kesibukan kerja beliau agak membataskan hubungan antara beliau dan staf Perpustakaan. Namun di sebalik itu, Puan Hajah

adalah seorang yang prihatin terhadap pekerjanya. Semasa mula berkhidmat di Perpustakaan pada November 2005, saya agak takut untuk berhadapan dengan beliau. Riak muka yang serius semasa bekerja membuatkan saya agak gementar untuk bersemuka seterusnya beramah mesra dengannya. Tetapi selepas saya mengalami kemalangan kecil pada Jun 2006, tanggapan itu mula berubah. Saya hanya menghantar pesanan ringkas kepadanya untuk memaklumkan saya mengalami kemalangan itu semasa pulang dari kerja. Tidak lama kemudian, saya menerima panggilan telefon darinya. Puan Hajah bertanya mengenai kemalangan tersebut dan perkembangan lanjut mengenai keadaan saya pada masa itu. Suaranya seakan cemas dan menasihati saya supaya membuat pemeriksaan kesihatan dengan sebetulnya selepas saya mengatakan saya hanya cedera kecil. Bimbang sekiranya ada kecederaan dalaman katanya. Selepas cuti sakit selama satu hari, saya mula bekerja semula. Beliau antara yang pertama bertanya mengenai perkembangan kesihatan saya. Tanggapan saya mengenai beliau yang susah didekati adalah salah. Ternyata beliau seorang yang prihatin terhadap keadaan para pekerjanya.

Pernah suatu ketika, beliau melihat prestasi kerja saya kurang memberangsangkan. Saya dipanggil ke biliknya dan bertanya sekiranya saya mempunyai sebarang masalah kerja atau peribadi. Banyak nasihat yang diberikan dan beliau turut menceritakan pengalamannya semasa mula – mula UniMAP ditubuhkan. "Kalau prestasi you macam ni, sampai bila – bila pun you akan terus macam ni. Takkan you nak diri you macam ni selamanya? You kena berusaha untuk berjaya". Itu antara kata – kata nasihat yang diberikan kepada saya dan masih saya ingat dan pegang hingga kini. Pada saya, Puan Hajah seorang yang amat dedikasi pada kerjanya. Padanya, tidak ada sebarang alasan untuk berjaya.

Azziah Nawawi



Memori Kaynarat

Foyziah Ahmad Nasuruddin

Puan...terima kasih atas segalanya.

Bagi Has, puan umpama seorang IBU yang tidak lokek berkongsi ilmu dan pengalaman bahkan seorang yang amat penyayang. Hanya Allah S.A.W sahaja yang dapat membalas perit jerih puan selama ini untuk mendidik dan berkongsi pengalaman puan yang tidak ternilai harganya. Segala ilmu, pengalaman dan kebaikan puan tidak dapat diungkap dengan kata-kata dan jasamu tidak dapat dilupakan sehingga akhir hayat.

Hasdarinar Abdul Jalal

Assalamualaikum

Kepada Pn Hajah Foyziah saya Maziah Md Isa ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya walau di mana pun puan berada..Semoga dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki dan sihat sejahtera. Terima kasih di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah pn curahkan sepanjang saya berada di sini (Perpustakaan, UniMAP). Semoga kita bertemu lagi di lain masa.



Kata-kata Pujangga:
"Andai hidup punca perpisahan, biarlah mati menyambungnyanya semula. Namun seandainya mati punca perpisahan, biarlah hidup ini membawa erti yang nyata

Ibnu Mu'taz pernah berkata: Penyimpan harta itu mati walaupun ia masih hidup. Penyimpan ilmu pula hidup walaupun ia telah mati.

Maziah Md Isa

Selama hampir 7 tahun berkhidmat sebagai Pustakawan di bawah pimpinan Pn. Hjh. Foyziah, terdapat banyak kenangan bersama beliau yang telah saya simpan selama ini. Perwatakan beliau yang sangat tegas dan berdedikasi dalam menjalankan tugas merupakan sesuatu yang tidak mungkin saya lupakan. Ketegasan dan dedikasi beliau dalam bidang tugas banyak membantu saya selama ini dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Ini kerana dengan ketegasan beliau membolehkan saya lebih berdisiplin dalam melaksanakan tugas serta memastikan setiap tugas yang diberi dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Selain itu, sebagai seorang ketua beliau juga selalu memberi dorongan kepada semua staf melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di luar bidang pekerjaan. Sebagai contoh, setiap tahun Jabatan Perpustakaan akan menyertai pertandingan nasyid antara jabatan yang biasanya dijalankan pada bulan Ramadhan. Sejak beberapa tahun sebelum ini saya telah ditugaskan untuk menguruskan pasukan nasyid Jabatan Perpustakaan. Sejak menjadi pengurus pasukan apa yang tidak mungkin lupakan ialah dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan oleh beliau, sebelum dan juga selepas pertandingan walaupun selama ini pasukan kami tidak pernah mencapai keputusan yang terbaik.

Md Nizam Azid

Kenangan manis ialah semasa mula-mula menjadi Pustakawan di Unit Proses Teknik. Ketika itu, saya dan Puan Hajah berada di dalam ruang kerja yang sama. Pada masa itulah, Puan Hajah memberi tunjuk ajar tentang cara-cara pengkatalogan. Puan Hajah sememangnya seorang yang amat teliti tentang tugasnya. Ini amat berguna kepada saya dalam melaksanakan tugas-tugas pengkatalogan.

Ia merupakan kenangan manis kerana Puan Hajah tidak lokek mencurahkan ilmu dalam bidang pengkatalogan. Saya yang baru bergraduat daripada UiTM dan tidak mempunyai pengalaman bekerja amat menghargai pengalaman yang beliau curahkan. Selepas itu, saya mula memahami mengapa Puan Hajah Foyziah amat teliti tentang kerja-kerja pengkatalogan. Hinggakan simbol titik yang tertinggal daripada rekod pengkatalogan pun boleh dikesan oleh beliau. Pada beliau rekod pengkatalogan amat penting untuk membantu kerja-kerja pengesanan bahan. Malahan, rekod pengkatalogan mencerminkan keperibadian unggul Pustakawan Katalog.

Sepanjang tujuh tahun ini, kami telah melalui pahit maung dan manis dalam membangunkan Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis. Sepanjang masa inilah, saya memperoleh banyak pengalaman dan pengetahuan yang sangat berguna dalam menempuh liku-liku kerjaya sebagai Pustakawan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Puan Hajah Foyziah di atas didikan dan nasihat yang tidak mungkin dapat dibalas dengan wang ringgit. Semoga pengalaman dan ilmu yang saya perolehi ini dapat digunakan untuk membangunkan Universiti, Negara dan Agama.

Sekian, terima kasih.

Mohd Shahrul Annuar Alawi

Kenangan manis saya apabila beliau sudi bergambar bersama ladybird yang saya hasilkan semasa pameran minggu orientasi untuk pelajar baru sesi 2009/2010 pada 28 Jun 2009 di Kampung Wai.



Nasibah Mohd Nizan

Terima kasih banyak di atas segala tunjuk ajar yang diberikan selama ini.

Nazirah Zainul Abidin

Assalamualaikum,

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Hajah Foyziah yang selama ini banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Walaupun dalam tempoh masa yang singkat perkenalan dengan Puan Hajah, tetapi keprihatinan dan perhatian yang diberikan



Memori Foyziah

Kenangan Manis Bersama Puan Hajah Foyziah

membuatkan saya lebih bersemangat untuk melakukan tugas dengan penuh dedikasi. Semoga Puan Hajah sentiasa berada di dalam keadaan sihat dan sentiasa dilindungi oleh ALLAH S.W.T

Noorul Afza Hidayah Noor Mahadzir

Pada peringkat permulaan saya bekerja di UniMAP, Puan Hajah Foyziah sering memberi tunjuk ajar dan nasihat yang amat berguna. Beliau tidak pernah membiarkan kakitangannya terumbang ambing tanpa nakhoda. Sewaktu mengkatalog buku, beliau pernah menegur agar sentiasa berhati-hati. Sedikit kesilapan akan membawa kesan yang besar kepada sistem perpustakaan. Beliau juga mengambil berat akan hal kebajikan kakitangan seperti menghadiri kenduri kakitangan, menziarahi kakitangan yang sakit dan sebagainya. Sekiranya beliau pergi ke mana-mana, sentiasa ada buah tangan untuk setiap kakitangan. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan adalah peluang yang diberikan oleh beliau kepada saya untuk turut serta menilai pembelian Sistem Perpustakaan. Sewaktu berada di dalam komuniti tersebut, terasa diri ini amat kerdil sekali. Namun Puan Hajah memberikan semangat dan sokongan bahawa kita boleh melakukannya walaupun universiti kita masih baru.

Seterusnya saya turut terhutang budi kepada beliau kerana surat sokongan dan bantuan dari beliau, suami saya berjaya ditempatkan di Perlis. Kehadiran Pn. Hajah bersama suami ke majlis perkahwinan saya pada tahun 2004 adalah yang terindah sekali. Walaupun sibuk dengan acara universiti namun beliau masih sempat meluangkan masa untuk menghadirinya. Puan Hajah bersama suami serta semua staf perpustakaan merupakan orang yang terawal tiba di Auditorium Menara Zakat. Saya merasa amat gembira sekali ketika itu di mana semua warga perpustakaan ada bersama di saat bahagia dalam hidup saya.

Norakmal Abdul Karim

Hadiah perkahwinan saya- Dalam kesibukan dan debaran saat menunggu pengantin lelaki saya terlihat kelibat Puan Hajah Foyziah & Encik Ahmadin datang di hari perkahwinanku. Rasa bertuah dan gembira dengan kesudian beliau menghadiri majlis berbahagia.

Noremie Hashim

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

Terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Hajah Foyziah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar selama saya berkhidmat di Jabatan Perpustakaan. Kita semua mengenali beliau dengan sifat ketegasannya. Walaupun dari segi luarannya beliau merupakan seorang yang tegas, namun saya percaya jauh di sudut hatinya beliau seorang yang baik hati dan mengambil berat perihal pekerjaannya. Alhamdulillah dengan sikap ketegasan beliau dalam menjalankan tugas telah pun memberikan kesan kepada kita semua iaitu menjadi seorang yang menepati masa dan teliti dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan. Saya terkenang kembali zaman mula-mula berkhidmat di sini pada tahun 2003, ketika

itu setiap pagi beliau akan menunggu di hadapan pintu masuk, sambil memerhatikan jam di tangan untuk memastikan pekerjaannya datang tepat pada waktunya. Walaupun terlewat 1 minit beliau amat mengambil berat hal ini. Kesannya sekarang kita dapat lihat semua pekerjaannya menjadi seorang yang menepati masa.

Secara peribadinya, saya amat menghormati beliau. Beliau adalah seorang pemimpin yang berwibawa dan mempunyai hala tuju yang jelas. Banyak perubahan dapat dilihat di Jabatan ini dari awal penubuhan hinggalah ke hari ini menjadi perpustakaan digital yang boleh kita banggakan. Terlalu banyak sumbangan beliau berikan kepada Jabatan Perpustakaan ini. Budi dan jasa yang telah beliau taburkan kepada kami semua tetap kami sanjung dan akan kekal dalam ingatan kami sehingga ke akhir hayat.

Akhir kata, saya ingin menyusun sepuluh jari, memohon maaf atas segala kedaifan, kekhilafan dan kelemahan. Saya sentiasa doakan agar beliau terus diberikan kesihatan yang baik, nikmat yang berkekalan daripada Allah S.W.T.

Permata jatuh ke rumput,
Jatuh ke rumput dibilang-bilang,
Dari mata tidakkan luput,
Dalam hati tidakkan hilang.

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman,
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Nurlina Idrus

Selama 7 tahun bekerja bersama Hajah Foyziah, aku banyak menimba ilmu darinya. Sejak mula aku menjejak kaki ke KUKUM sehingga KUKUM bertukar nama ke UniMAP. Walaupun Hajah nampak garang tapi hatinya sangat lembut dan menyentuh hati bila aku menerima nasihat darinya.

Ketika namaku dipanggil untuk ditemu duga,hati kecilku sangat gembira. 06 Jun 2002 adalah tarikh yang tak dapat aku lupakan. Maka bermulalah sesi temu duga bersama Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin. Waktu tu, hati kecilku sangat takut dengan soalan yang akan diutarakan. Tapi yang seronoknya,bila aku bertambah gementar, Hajah Foyziah mengajukan lebih banyak soalan. Alhamdulillah,rupanya Hajah cuma ingin menguji sama ada aku boleh berkomunikasi dengan baik atau sebaliknya. Selepas temu duga ,aku dapat berita baik bahawa aku boleh mula bekerja pada 10 Jun 2002. Ini adalah tarikh keramat bagiku. Dari hari pertama mula bekerja, Hajah banyak membantu aku dan rakan-rakan mengenai cara melakukan tugas. Hanya empat orang melakukan kerja-kerja untuk semua Unit. Waktu itu kami hanya menumpang bilik latihan KWSP. Walaupun bilik kecil dan bahan yang ingin diproses banyak, kami dapat melakukan kerja dengan sempurna. Selepas seminggu bekerja, Ketua Pustakawan memohon kami meneruskan tugas dari jam 5.00 petang sehingga jam 11.00 malam. Namun, Alhamdulillah, dengan semangat kerjasama kami dapat juga menyiapkan semua tugas sebelum pelajar baru mendaftar di UniMAP. Hajah tidak lokek membelanja kami makan di Pizza Hut sehingga berat badan semakin bertambah.

Memori Korporat

Foyziah Ahmad Nasuruddin

Selain itu juga, banyak kenangan manis bersama Hajah ketika kami bersama menyambut hari lahir dan jamuan. Tidak lupa juga ketika Hajah mempunyai urusan di luar Negara. Cenderahati darinya tetap ada untuk kami semua. Kenangan ku bersama Hajah tak dapatku lupakan.


Tenang-tenang air di laut,
Sampan koleh mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut tersebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.

Rohaya Abdul Rahman

ASSALAMUALAIKUM warahmatullahi wabarakatuh, syukur kehadiran Allah kerana ini adalah kali pertama dalam hidup saya melakarkan coretan pena ini untuk bersama-sama dengan teman seperjuangan. Tidak lupa selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah S.A.W, keluarga serta sahabat baginda sekalian.

Saya mulakan catatan ini dengan mengimbuai kembali kenangan yang dikutip ketika membaca riwayat hidup Rasulullah S.A.W. Salah satu daripada bab kasih sayang yang ditunjukkan baginda rasul iaitu sebelum wafatnya. Rasulullah S.A.W bertanya kepada malaikat Jibrail, 'Apakah berita gembira yang kau bawa wahai Jibrail?,' beberapa kali pertanyaan sama diulangi. Walau diberitakan bahawa bidadari syurga menanti kedatangannya dan berbagai-bagai berita indah dan gembira lainnya tetap tidak menggembirakan baginda Rasulullah S.A.W, sehinggalah turunnya wahyu Allah lalu disampaikan malaikat Jibrail bahawa umat Muhammad-lah yang akan mula-mula masuk syurga. Jawapan itulah yang membahagiakan Rasulullah S.A.W. Jadi kita sebagai umatnya rajin-rajinkan mengucapkan selawat ke atas baginda Rasulullah S.A.W setiap hari bagi membuktikan betapa besar perasaan kasih sayang kita kepadanya. Rasulullah S.A.W sendiri mengutamakan kasih sayangnya terhadap kita, umatnya, berbanding diri sendiri.

Saya ingin berkongsi bersama teman-teman seperjuangan, tarikh 14 Julai 2002 merupakan tarikh saya mula menjejak kaki ke Perpustakaan KUKUM (Kini dikenali sebagai Perpustakaan UniMAP). Pertama kali dalam hidup, saya melangkah ke alam pekerjaan. Ketika itu, saya masih tidak tahu apa-apa berkaitan dunia kepustakawanan dan ketika itu juga buat pertama kali saya bertemu dan berkenalan dengan seorang wanita bertubuh kecil yang dikenali



Nukilan dari: Royyifazulmalady Zakaria

sebagai Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan. Enam bulan sudah berlalu, saya dan teman-teman ketika itu Anwar, Izhar, Rohaya, Shahirah, Hamdan dan yang lain-lain bekerja seperti tiada penghujungnya demi membangunkan sebuah Perpustakaan baru.

Penghujung tahun 2002 saya dan teman-teman dijemput untuk berbuka puasa di rumah Hajah. Sedar tak sedar tahun 2003 muncul, tugasan yang lebih mencabar datang melanda kami semua. Hajah, panggilan yang selalu saya panggil memberitahu kami bahawa satu majlis dan upacara besar-besaran akan diadakan iaitu Majlis Pecah Tanah Kampus Tetap KUKUM di Ulu Pauh. Perpustakaan diberi tanggungjawab untuk menyelaras jamuan makan kepada tetamu VVIP dan juga jemputan yang hampir 10 ribu orang. Sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan. Berkat kesabaran dan ketekunan kami dalam pasukan akhirnya berjaya. Walaupun penat tetapi menjadi kepuasan bagi diri saya dan teman-teman yang lain.

Hari, bulan dan tahun semakin berlalu, saya dan teman-teman yang semakin bertambah di Perpustakaan menjalani dunia pekerjaan seperti biasa iaitu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan Perpustakaan. Setiap bulan ada saja majlis dan jawatankuasa yang perlu saya dan teman-teman sertai. Apalagi jawatankuasa jamuanlah yang menjadi tanggungjawab kami warga Perpustakaan sehingga ke hari ini. Setiap kali bersama di dalam majlis orang pertama yang akan bertanyakan berkaitan persiapan dan perjalanan jamuan adalah Hajah.

Beliau sentiasa mengingatkan saya bahawa apa yang kita buat kena betul-betul ikhlas, rajin, sabar dan sempurna. Walaupun isu kecil seperti sudu yang tidak di kilatkan.. Lucukan? Tetapi itulah hakikatnya yang saya dan teman-teman alami. Saat itu saya mengenali bahawa Hajah merupakan seorang yang mementingkan kesempurnaan dan tegas dalam membuat sesuatu kerja. Hajah tidak suka kalau seseorang itu terutamanya stafnya sendiri jika tidak melakukan apa-apa walaupun kerja hakiki sudah disiapkan.

Pernah satu ketika saya ditegur oleh Hajah, 'Kamu buat apa Roy? Kerja kamu dah siap ka? Saya jawab, dah siap Hajah. Beliau membalas, kalau dah tak dak apa-apa nak buat cuba kamu ambil buku dan baca. Library kita inikan banyak dengan buku, bacalah..' Sejak itu, sifat membaca tertanam di dalam hati



Memori Foyziah

Kenangan Manis Bersama Puan Hajah F

saya sehingga kini.

Sepanjang membangunkan sebuah Perpustakaan bersama teman-teman banyak suka dan duka kami lalui bersama. Saya 'kehilangan' sekejap dua orang kawan iaitu Anwar dan Izhar, teman rapat saya dari sekolah rendah hingga mereka meninggalkan Perpustakaan untuk melanjutkan pelajaran. Tinggallah saya dan teman-teman yang lain meneruskan kerja seperti biasa bersama Hajah. Setiap tahun sudah menjadi tradisi di Perpustakaan, kami dan Hajah akan menyambut hari lahir semua staf dengan meriah. Atas inisiatif Hajah maka tertubuhlah juga Kelab Kebajikan Kakitangan Perpustakaan yang sehingga kini masih diteruskan. Boleh dikatakan setiap majlis yang pihak Universiti adakan kami semua akan bersama Hajah. Kenangan manis yang tak dapat saya lupakan seperti menyambut hari keluarga di Pulau Pangkor, Berjalan Kaki 10 kilometer setiap tahun merentasi kampung-kampung di sekitar Negeri Perlis dan banyak lagi yang tak dapat saya ceritakan. Boleh dikatakan hampir dua tahun sekali Hajah akan menunaikan umrah di Tanah Suci Mekah, Hajah tidak pernah lupa untuk membawa pulang cenderamata, ke mana saja Hajah pergi, beliau tetap akan memberikan hadiah kepada kami.

Kenangan yang paling manis yang tidak dapat saya lupakan sepanjang hidup ialah saya dapat memasak beberapa jenis masakan untuk Hajah dan teman-teman yang lain merasai air tangan saya sehingga kini. Hajah dapat tahu yang saya pandai memasak kerana saya selalu membaca buku-buku masakan yang terdapat di Perpustakaan. Pernah seketika Hajah menyarankan saya supaya melanjutkan pelajaran dalam bidang kulinari masakan, tetapi saya hanya pendamkan saja niat tersebut. Tetapi pada tahun 2005 saya pernah cuba memohon melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut tetapi tiada rezeki saya agaknya, saya abaikan saja. Itulah Hajah yang mahukan staf-stafnya melanjutkan pelajaran selagi boleh demi kehidupan yang lebih baik.

Diam tak diam sudah tujuh tahun saya bersama dengan Perpustakaan UniMAP dan Hajah. Umpama darah yang mengalir di dalam badan, selagi hidup akan tetap mengalir. Impian Hajah yang masih segar di dalam ingatan saya adalah beliau mahu melihat Perpustakaan sebenar di Kampus Tetap dibina dengan sebaik-baiknya. Mungkin Hajah terkilan kerana tidak sempat menjejakkan kaki merasai Perpustakaan tersebut kerana beliau terpaksa menamatkan perkhidmatannya atas faktor umur. Saya mengenali Hajah dengan pelbagai episod suka dan duka selama lapan tahun.

Banyak peristiwa yang menjadi kenangan manis dan pahit tercatat sepanjang saya bersama dengannya. Segala kata-kata, teguran, dan nasihat beliau saya terima dengan hati terbuka dan akan terpahat di dalam ingatan serta sanubari hati saya sehingga akhir hayat. Saya menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf kepada beliau jika saya pernah mengguris hati dan perasaan sepanjang beliau menjadi ketua saya. Bulan Julai adalah bulan yang terakhir saya bersama Hajah kerana beliau akan menamatkan perkhidmatannya di Perpustakaan. Sepanjang lapan tahun bersama, beliau memberi kesan yang mendalam kepada saya. Saya berdoa kepada Allah supaya Hajah dan suami berada di

dalam sihat sejahtera dan dipanjangkan umur dalam menjalani kehidupan yang mendatang. Buat tatapan pembaca dan teman-teman ungkapan 'Tujuh tahun aku bersama FAN', Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin yang kukenali termeterai sudah..

Royifazulmaldy Zakaria

Tanggal 10 Jun 2002 adalah merupakan tarikh keramat yang telah merubah perjalanan hidup saya kerana telah diterima bekerja di Jabatan Perpustakaan, UniMAP yang dahulunya dikenali sebagai KUKUM. Di sinilah saya mengenali seorang insan dan juga ketua yang mempunyai sifat bertanggungjawab dan penyayang terhadap stafnya. Beliau ialah Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin. Sebagai insan yang sentiasa berfikir positif dan bersedia belajar daripada kesilapan dan pengalaman, saya menanam tekad untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan sebaik mungkin serta sebarang masalah yang timbul akan cuba ditangani dengan sabar dan rasional.



Kenangan bersama ketika di Pulau Langkawi

Selain melakukan tugas hakiki sebagai Pembantu Perpustakaan, saya juga telah bersama-sama dengan beliau melibatkan diri sebagai salah seorang AJK Jamuan bagi setiap majlis yang dianjurkan oleh UniMAP termasuklah dalam tugas saya yang pertama iaitu Majlis Pecah Tanah Kampus Tetap di Ulu Pauh pada 2003. Berbekalkan semangat dan ilmu yang dicurahkan oleh beliau, kami telah berjaya membantu melancarkan majlis tersebut bersama-sama dengan jayanya. Beliau selalu mengingatkan stafnya ketika menjadi AJK Jamuan bahawa "A hungry man is an angry man". Saban tahun kami juga akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri. Tidak lupa juga Majlis Sambutan Hari Kelahiran untuk para staf.



Bergambar kenangan sempena Bengkel Perancangan Strategik di Beringin Beach Resort

Laporan
 Memori

Foyziah Ahmad Nasuruddin

Mengimbas kembali detik-detik pertama bekerja di UniMAP, pelbagai kenangan pahit dan manis telah dilalui yang telah mencorakkan kehidupan saya pada hari ini. Mana mungkin kami dapat melupakan pengalaman bekerja dengan keadaan yang serba kekurangan di awal penubuhan UniMAP ini, antaranya terpaksa "berkampung" di Bilik Latihan Bangunan KWSP sementara mendapat ruang yang lebih selesa. Di situlah segala proses kerja terpaksa dilakukan untuk membolehkan para pelajar mendapat bahan seperti yang diinginkan secepat mungkin tanpa mengira waktu bekerja siang dan malam. Pada ketika itu, kami juga terpaksa berkongsi peralatan dengan rakan sejawat dan melibatkan diri dalam kerja-kerja pembersihan ruang untuk mempercepatkan proses pemindahan pejabat ke ruang yang lebih selesa. Walau bagaimanapun, kami percaya "Sebaik-baik pekerjaan ialah usaha seseorang dengan tangannya sendiri". Walau serba kekurangan, namun kami amat berpuas hati apabila ia membuahkan hasil apabila kami merasai sendiri nikmat yang ada pada masa ini.

kalah menang aktiviti yang dianjurkan.

Bagi saya setiap masa adalah kenangan manis bersama Puan Hajah, walau ada kalanya saya ditegur. Ini adalah lumrah dalam alam pekerjaan.



Sambutan Hari Keluarga di Pulau Pangkor

Tentunya perjalanan yang panjang penuh pelbagai masalah dan cabaran. Setidak-tidaknya dalam tempoh 7 tahun bekerja beliau telah memberi tunjuk ajar bagaimana caranya untuk menangani pelbagai masalah yang tidak kurang kecilnya semasa berurusan dengan kerendah pihak pembekal, para pelajar dan kakitangan yang tidak kurang hebatnya. Sejak dari mula bekerja, beliau telah menerapkan nilai-nilai murni yang perlu dikongsi bersama seperti perasaan kasih sayang, hormat-menghormati, saling bantu-membantu, berbudi bahasa supaya stafnya menjadi manusia yang bertanggungjawab dan tidak mementingkan diri sendiri.

Sehingga kini, beliau tidak pernah melupakan staf di bawah jagaannya, ke mana sahaja beliau pergi mesti ada buah tangan yang akan diberikan apabila kembali ke pejabat. Kenangan bersama beliau tidak mungkin dapat diungkapkan dengan kata-kata. Semoga hidup beliau sentiasa disinari dengan sinar kebahagiaan sehingga ke akhir hayat.

Shahirah Shafie

Kenangan manis ketika Perpustakaan menganjurkan Sambutan Hari Keluarga di Pulau Pangkor. Waktu tu memang seronok sangat. Hampir semua staf Perpustakaan menghadiri diri pada Hari Keluarga tersebut. Bermacam-macam aktiviti dilakukan. Apa yang paling seronok sekali ialah semasa melakukan aktiviti pantai. Puan Hajah Foyziah bersama suaminya, Encik Ahmadin Ahmad bertindak sebagai juri dalam menentukan

Dimarahi, ditegur atau dikritik oleh pegawai atasan, memang saya terima, walaupun kata orang perkara ini terlalu pahit untuk ditelan. Namun saya anggap segala teguran atau kritikan dari Puan Hajah, umpama teguran dari seorang ibu untuk anaknya.

Siti Maimunah Ishak

Assalamualaikum,

Sepanjang saya bertugas selama lima tahun di Perpustakaan, pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah ketika menyediakan dan menyiapkan SKT pada tahun 2005. Hajah telah banyak membantu dan membimbing saya. Nasihat yang diberikan kepada saya ialah jangan mudah dipercayai orang dan teliti dulu apa-apa maklumat sebelum kita menandatangani surat tertentu sekiranya silap padah akibatnya. Salah satu lagi kenangan sewaktu Jabatan Perpustakaan mendapat Anugerah Jabatan Terbaik pada tahun 2005. Semua staf bergambar beramai-ramai selepas majlis berlangsung.

Shariffah Norlaila Syed Alwi

Kenangan manis bersama Puan Hajah ialah ketika beliau dan suami berkunjung ke rumah terbuka hari raya pada tahun 2008. Saya masih ingat, Puan Hajah dan suami sebenarnya berpuasa pada tarikh berkenaan. Walau bagaimanapun, mereka sudi bertandang ke rumah saya selepas Solat Maghrib. Itulah kenangan paling manis bersama Puan Hajah.

Suhaidah Mat Rus @ Darus

Memori Foyziah